

04/07/2002

Pemimpin kanan Umno amal muafakat

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata pemimpin kanan Umno tidak menghadapi masalah meneruskan amalan bekerjasama, termasuk di kalangan barisan pemimpin pelapis.

Timbalan Presiden Umno berkata, sebarang masalah yang timbul akan dibincang secara muafakat dan semua pemimpin bekerjasama sebagai satu pasukan.

"Kita semua nak berkhidmat kepada parti. Maka dengan itu, secara muafakat adalah yang sebaik-baiknya dan tidak menjadi masalah kepada kita dalam Umno iaitu sebagai satu parti, satu matlamat, satu perjuangan, satu presiden," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat pengurusan Umno di sini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang akhbar pagi ini bahawa antara sebab beliau bersetuju menerajui negara selama 16 bulan lagi kerana mendapat jaminan tidak akan ada perebutan kuasa dalam parti.

Hadir sama pada mesyuarat pengurusan ialah semua tiga Naib Presiden; Datuk Seri Najib Razak, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin, Setiausaha Agung, Tan Sri Khalil Yaakob; Ketua Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz; Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Hussein dan Ketua Penerangan, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob.

Abdullah juga berkata, amalan bekerjasama dan muafakat yang dimaksudkan itu dilihat di kalangan ketiga-tiga naib presiden yang menjadi pemimpin pelapis Umno.

"Tengok ini semua...(memandang ke arah tiga Naib Presiden), kita bekerja dengan baik. Semua kita ada dalam jawatankuasa pengurusan dan masing-masing ada tugas, tetapi kita ambil tanggungjawab bersama.

"Apa juga yang kita nak buat dalam parti, baik bincang dulu. Jawatankuasa pengurusan ini boleh dikatakan setiap minggu...setiap Rabu kita bermesyuarat. Jadi apa juga masalah dalam parti, kita bincang dan kita buat keputusan.

"Keputusan itu adalah keputusan bersama...sekarang kita mempunyai pasukan yang baik. Ini pun atas kehendak kita masing-masing, bukan dipaksa ke atas kita," katanya.

Sementara itu, Abdullah berkata, mesyuarat Majlis Tertinggi Umno akan memutuskan keputusan sama ada menangguhkan pemilihan parti tahun depan selepas pilihan raya umum akan datang.

Katanya, tumpuan kini adalah kepada pilihan raya kecil di Pendang dan Anak Bukit.

Beliau juga berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana sokongan penuh kepadanya untuk menerajui parti dan kerajaan.